

Headline	Golf amal NAZA kutip RM1.1 juta		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	04 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	297,950
Page No	54	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	190 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,001



Golf Amal NAZA kutip RM1.1 juta

Oleh Sukhairi Abd Thani
sukhairi@bharian.com.my

KEJOHANAN Golf Amal NAZA TTDI 2011 di Kelab Golf & Country Kuala Lumpur (KLGCC) semalam berjaya mengumpul dana RM1.1 juta untuk diagihkan kepada persatuan dan badan kebajikan di seluruh negara bagi meringankan beban golongan kurang bernasib baik.

Kejohanan tahunan sejak 2003 itu yang menjadi sebahagian Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) NAZA, secara keseluruhan berhasil mengutip RM7.8 juta sejak edisi pertamanya.

Hasil sumbangan kali ini akan disalurkan kepada Yayasan Cancerlink, Yayasan Hepar Malaysia, Majlis Aids Malaysia, Yayasan Institut Jantung Negara, Badan Amal Lembah Pantai dan Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia.

Pengarah Urusan Kumpulan NAZA TTDI Sdn Bhd, SM Faliq SM Nasimuddin berkata, pihaknya berbesar hati terus mendapat sokongan rakan perniagaan dalam menjayakan usaha mulia itu.

Seramai 120 pemain golf daripada individu, wakil syarikat korporat dan media menyertai kejohanan



MOHD Khalil (tengah) menyampai hadiah kepada Mohd Noor. Turut sama (dari kiri) SM Faliq, Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin dan SM Nasaruddin SM Nasimuddin, semalam.

termasuk Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob.

Mohd Noor Azman Talib muncul juara keseluruhan dalam kejohanan menggunakan format stableford itu

dengan 37 mata, mengatasi Embok Masek Md Taher yang memperoleh mata sama dengan kiraan semula, manakala Azrul Hashim ketiga (36 mata).